



26 Februari 2024
26 February 2024
P.U. (A) 64

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (KADAR CUKAI)
(PINDAAN) 2024

*SERVICE TAX (RATE OF TAX) (AMENDMENT)
ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (KADAR CUKAI) (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(2) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2024**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2024.

Pindaan perenggan 3

2. Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2018 [*P.U. (A) 213/2018*] dipinda dalam perenggan 3—

(a) dalam subsubperenggan (a)—

(i) dengan menggantikan perkataan “enam peratus” dengan perkataan “perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan penyediaan tempat letak kenderaan atau perkhidmatan logistik, lapan peratus”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subsubperenggan itu;

(b) dalam subsubsubperenggan (b)(iv), dengan menggantikan noktah di hujung subsubsubperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subsubperenggan (b) subsubperenggan yang berikut:

“(c) dalam hal perkhidmatan bercukai yang berhubungan dengan perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman,

perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan penyediaan tempat letak kenderaan atau perkhidmatan logistik, enam peratus daripada harga, nilai, premium atau sumbangan takaful bagi perkhidmatan bercukai yang ditentukan mengikut seksyen 9 Akta.”.

Kecualian

3. Apa-apa perkhidmatan bercukai selain perkhidmatan bercukai yang berhubungan dengan perkhidmatan kad kredit atau kad caj, perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan penyediaan tempat letak kenderaan atau perkhidmatan logistik—

- (a)* yang disediakan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini dan penyediaan perkhidmatan bercukai itu menjangkau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan pada kadar lapan peratus daripada harga, nilai, premium atau sumbangan takaful bagi perkhidmatan bercukai mengikut seksyen 9 Akta bagi perkadaran perkhidmatan bercukai yang boleh dihubungkan dengan bahagian tempoh selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini;
- (b)* yang disediakan pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, apa-apa pembayaran yang diterima sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini berhubung dengan perkhidmatan bercukai itu, cukai perkhidmatan atas pembayaran yang diterima itu hendaklah dikenakan pada kadar enam peratus daripada harga, nilai, premium atau sumbangan takaful bagi perkhidmatan bercukai mengikut seksyen 9 Akta;
- (c)* berhubung dengan orang berdaftar yang mengakaunkan cukai perkhidmatan di bawah perenggan 11(3)(b) Akta sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, apa-apa pembayaran yang diterima berupa wang, dalam bentuk cip atau kupon, termasuk cip atau kupon yang dikeluarkan secara percuma, atau apa-apa bentuk lain, atau apa-apa inouis yang dikeluarkan yang berhubungan dengan perkhidmatan bercukai yang

akan disediakan pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, cukai perkhidmatan yang menjadi genap masa dan kena dibayar hendaklah dikenakan pada kadar lapan peratus daripada harga, nilai, premium atau sumbangan takaful bagi perkhidmatan bercukai mengikut seksyen 9 Akta;

(d) berhubung dengan suatu perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini dan menjangkau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, cukai perkhidmatan hendaklah dilevikan pada kadar lapan peratus daripada harga, nilai, premium atau sumbangan takaful bagi perkhidmatan bercukai mengikut seksyen 9 Akta atas perkadaran perkhidmatan bercukai diimport yang boleh dihubungkaitkan dengan bahagian tempoh selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini; dan

(e) yang genap masa sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini berhubung dengan perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, cukai perkhidmatan hendaklah dilevikan pada kadar enam peratus daripada harga, nilai, premium atau sumbangan takaful bagi perkhidmatan bercukai mengikut seksyen 9 Akta.

Dibuat 22 Februari 2024

[KE.HF(152)899/03]LD.2(10); MOF.TAX(S)700-1/2/27]ld.4; PN(PU2)752/]LD.5]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 10(3) Akta Cukai Perkhidmatan 2018]

SERVICE TAX ACT 2018

SERVICE TAX (RATE OF TAX) (AMENDMENT) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(2) of the Service Tax Act 2018 [Act 807], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Service Tax (Rate of Tax) (Amendment) Order 2024**.

(2) This Order comes into operation on 1 March 2024.

Amendment paragraph 3

2. The Service Tax (Rate of Tax) Order 2018 [P.U. (A) 213/2018] is amended in paragraph 3—

(a) in subparagraph (a)—

(i) by substituting for the words “six per cent” the words “provision of food and beverages services, telecommunication services, provision of parking place services or logistic services, eight per cent”; and

(ii) by deleting the word “and” at the end of the subparagraph;

(b) in subparagraph (b)(iv), by substituting for the full stop at the end of the subparagraph the words “; and”; and

(c) by inserting after subparagraph (b) the following subparagraph:

“(c) in the case of taxable service relating to provision of food and beverages services, telecommunication services, provision of parking place services or logistic services, six per cent

of the price, value, premium or takaful contribution of the taxable service determined in accordance with section 9 of the Act.”.

Saving

3. Any taxable service other than taxable service relating to credit card or charge card services, provision of food and beverages services, telecommunication services, provision of parking place services or logistic services—

- (a)* provided before the date of coming into operation of this Order and the provision of the taxable service spanning after the date of coming into operation of this Order, the service tax shall be charged at the rate of eight per cent of the price, value, premium or takaful contribution of the taxable service in accordance with section 9 of the Act on the proportion of the taxable service which is attributed to the part of the period after the date of coming into operation of this Order;
- (b)* provided on or after the date of coming into operation of this Order, any payment received before the date of coming into operation of this Order in relation to the taxable service, the service tax on the payment received shall be charged at the rate of six per cent of the price, value, premium or takaful contribution of the taxable service in accordance with section 9 of the Act;
- (c)* in relation to a registered person who accounts for service tax under paragraph 11(3)(b) of the Act before the date of coming into operation of this Order, any payment received in money, in the form of chips or coupons, including chips or coupons issued free of charge, or any other form, or any invoice issued relating to the taxable service to be provided on or after the date of coming into operation of this Order, the service tax becomes due and payable shall be charged at the rate of eight per cent of the price, value, premium or takaful contribution of the taxable service in accordance with section 9 of the Act;

- (d) in relation to an imported taxable service acquired before the date of coming into operation of this Order and spanning after the date of coming into operation of this Order, the service tax shall be levied at the rate of eight per cent of the price, value, premium or takaful contribution of the taxable service in accordance with section 9 of the Act on the proportion of the imported taxable service attributed to the part of the period after the date of coming into operation of this Order; and
- (e) which is due before the date of coming into operation of this Order in relation to the imported taxable service acquired on or after the date of coming into operation of this Order, the service tax shall be levied at the rate of six per cent of the price, value, premium or takaful contribution of the taxable service in accordance with section 9 of the Act.

Made 22 February 2024

[KE.HF(152)899/03]LD.2(10); MOF.TAX(S)700-1/2/27]ld.4; PN(PU2)752/]LD.5]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 10(3) of the Service Tax Act 2018]